

28/02/2003

Saya langsung tidak fikirkan ganjaran: Hafiz

ATLIT paling popular negara ketika ini, Muhammad Hafiz Hashim menepis tanggapan dia memikirkan mengenai pulangan ganjaran bakal diperoleh apabila muncul juara kejohanan badminton berprestij dunia Seluruh England dua minggu lalu.

Sebaliknya, bintang muda negara itu menegaskan bahawa dia hanya memikirkan untuk merangkul kejuaraan tertua badminton dunia itu yang kali terakhir dimenangi pemain kebangsaan Tan Aik Huang 37 tahun lalu.

"Saya tidak langsung memikirkan mengenai ganjaran yang akan diterima jika saya menjadi juara Seluruh England," kata Hafiz kepada wartawan selepas pertemuan dengan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein semalam. "Saya hanya mahu kejuaraan itu.

"Saya tidak meminta ganjaran dan imbuhan... tetapi jika ada pihak yang mahu memberi saya menerima saja. Saya tidak akan menolaknya.

"Memang saya tidak pernah terfikir atau terlintas akan menerima ganjaran atau sanjungan begitu banyak seperti ini daripada pelbagai pihak kerana itu bukan tujuan utama saya ketika beraksi di kejohanan Seluruh England.

"Saya hanya mahu jadi juara... itu saja. Ini kejohanan berprestij dunia dan menjadi idaman setiap pemain untuk menjulang mahkota Seluruh England," kata Hafiz.

Sejak menjadi pemain perseorangan pertama negara dalam tempoh 37 tahun menjulang kejuaraan Seluruh England, nama Hafiz melonjak dengan diberi sambutan wira negara sebaik pulang ke tanah air dengan kejayaan cemerlang itu.

Ini diikuti rentetan hadiah dan ganjaran dicurahkan kepada pemain muda berasal dari Kota Bharu ini serta sambutan yang berlanjutan lebih seminggu sebelum "demam Hafiz" reda.

Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menasihatkan supaya Hafiz tidak terlalu dimanjakan dengan insentif yang berlebihan sebaliknya diberikan insentif yang tidak akan merosakkannya.

Selain daripada hadiah kemenangan AS\$10,000 (RM38,000) untuk kejuaraan Seluruh England, Hafiz juga mendapat hampir RM20,000 yang diberikan pelbagai penajaan serta dijanjikan sebuah kereta sebagai menghargai kejayaan itu.